

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL



Dr Zaliha menunjukkan kamera badan untuk anggota penguat kuasa Kementerian Kesihatan sambil diperhati Dr Noor Hisham dan Harjeet Singh (kiri) pada Perhimpunan Bulanan KKM di Putrajaya, semalam.

(Foto Aziah Azmee/BH)

Penguat kuasa KKM dilengkapi kamera badan

Putrajaya: Anggota penguat kuasa Kementerian Kesihatan (KKM) khususnya untuk Program Kesihatan Awam dan Program Farmasi dilengkapi kamera badan bagi menjamin ketelusan penugasan dan kebajikan anggota.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata pemakaian teknologi berkenaan mampu memelihara integriti dan meningkatkan imej kementerian.

"Saya mengucapkan syabas kepada KKM khususnya Program Kesihatan Awam dan Program Farmasi atas inisiatif penggunaan teknologi 'Body Camera' dalam pelaksanaan tugas penguat kuasa.

"Penggunaan kamera badan bukan sahaja dapat memastikan ketelusan dalam pelaksanaan penugasan, malah menjaga kebajikan dan keselamatan pegawai penguat kuasa ketika melaksanakan tugas mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada perhimpunan bulanan pertamanya, di sini, semalam.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha KKM, Datuk Harjeet Singh dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Dr Zaliha turut memakainya kamera badan kepada penguat kuasa pada program berkenaan sebagai simbolik inisiatif yang diambil kementerian itu.

Penggunaan teknologi berkenaan

an ketika operasi penguatkuasaan bertujuan mengatasi isu ancaman dan halangan terhadap anggota penguat kuasa oleh penjual, pemilik premis atau orang awam.

Isu penting KKM dibincang

Antara ancaman yang pernah dialami termasuk ugutan bunuh, cubaan memukul dengan batang besi, ancaman lisan dengan kata-kata kesat serta cubaan memberi rasuah.

Dalam pada itu, Dr Zaliha berkata, beberapa isu penting membabitkan KKM akan dibincangkan dalam masa terdekat termasuk berkaitan penyelewengan dana negara berjumlah RM600 bilion bagi pengurusan COVID-19.

Buat masa ini, katanya, pihaknya belum menerima sebarang kemas kini berkaitan jumlah penyelewengan seperti didakwa, namun akan mengadakan mesyuarat dalam masa terdekat.

"Untuk jumlah RM600 bilion ini, kita masih tunggu daripada pihak KKM untuk berikan kemas kini. Dari situ baru kita tahu berapa jumlah yang sebenar (penyelewengan).

"Saya minta maaf tidak dapat menjawab mengenai isu ini kerana belum mendapat taklimat penuh berkaitan hal berkenaan. Tetapi dalam sehari dua lagi kita akan bermesyuarat untuk taklimat berkaitan beberapa isu di KKM," katanya.

Inisiatif tuala wanita percuma perangi kemiskinan haid

Program bantu wanita kurang berkemampuan akan diperluas

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruki@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) akan melaksanakan inisiatif tuala wanita percuma kepada wanita daripada golongan kurang berkemampuan dalam usaha memerangi kemiskinan haid.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata sebagai permulaan, inisiatif itu akan dilaksanakan di pejabatnya sendiri.

Beliau berkata, inisiatif yang juga mendapat sambutan pada peringkat global itu akan dikembangkan di seluruh kementerian-nya.

"Saya sebagai Menteri Kesihatan wanita pertama elok kita lakukan di KKM sendiri.

"Saya mulakan tandas di Pejabat Menteri (dengan memulakan) pemberian tuala wanita," katanya ketika berucap pada perhimpunan bulanan pertama, di sini, semalam.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha KKM, Datuk Harjeet Singh dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Dr Zaliha berkata, sudah tiba

masanya isu kemiskinan haid dalam komuniti ditangani dengan dasar yang lebih tegas berikutan selama ini ia hanya dibuat melalui gerakan dan program pada peringkat pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Justeru, beliau berkata, dengan memulakan inisiatif berkenaan di pejabatnya, ia diharap bakal mendapat sokongan di seluruh KKM.

Katanya, selepas itu, pihaknya melihat kemungkinan untuk bekerjasama dengan agensi lain yang menangani secara khusus kemiskinan haid.

Jalin kerjasama

Ditanya sama ada KKM juga akan melaksanakan pendidikan berkenaan haid, Dr Zaliha berkata, usaha sedemikian perlu melihat kerjasama antara agensi.

"Selepas itu kita akan lihat perincian termasuk perkara mengenali kesedaran berkenaan haid," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan mengemukakan cadangan bagi meneruskan pemberian tuala wanita percuma seperti yang dilaksanakan dalam Belanjawan 2022, Dr Zaliha berkata perkara itu akan diteliti untuk dimasukkan dalam Belanjawan 2023.

Sebelum ini, kerajaan memberikan bantuan bulanan kit asas kebersihan diri secara percuma kepada 130,000 remaja wanita B40 seperti dibentangkan dalam Belanjawan 2022, sebagai tanda keprihatinan kerajaan terhadap isu kemiskinan haid di Malaysia

yang berada pada tahap membimbangkan.

Katanya, ia akan menjadi permulaan pada peringkat nasional. Kajian Kemiskinan dan Stigma Haid oleh Kotex, yang dijalankan sebelum ini mendapati seorang daripada dua pelajar perempuan didapati ingin ponteng sekolah ketika haid.

Media melaporkan, Pengarah Pemasaran Kimberly-Clark Malaysia, Martina Jezdikova, sebagai berkata kajian yang membabitkan 746 responden perempuan berusia antara 10 hingga 24 tahun di seluruh negara itu turut mendapati lima peratus gadis juga tidak mampu membeli tuala wanita.

Selain itu, Pegawai Perubatan Perubatan Bahagian Reproduksi Manusia, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Dr Wan Hillya Munira Mustapha, dilaporkan berkata penggunaan bahan yang tidak bersih untuk menguruskan haid juga boleh menyebabkan risiko kesihatan lain, manakala kekurangan dalam bentuk fasiliti turut memberi kesan kepada tahap kebersihan wanita atau kanak-kanak perempuan dalam pengurusan haid.

Baru-baru ini, ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2023, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari mengumumkan sejumlah RM200,000 bagi membantu kaum wanita termasuk kempen kesedaran serta penyediaan tuala wanita secara percuma.

KJ harap Kertas Putih Kesihatan, GEG diterus

Putrajaya: Bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berharap pelaksanaan Kertas Putih Kesihatan dan Dasar Generasi Penamat (GEG) menerusi Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok, dapat diteruskan penggantinya, Dr Zaliha Mustafa.

Beliau berkata, ia berikutan dokumen berkenaan penting untuk reformasi sistem kesihatan negara untuk jangka panjang.

Katanya, Kertas Putih Kesihatan itu juga adalah hasil kerja semua pakar yang terlibat dalam perbincangan dan sesi libat urus yang dilaksanakan.

"Perkara itu sudah saya bawakan dalam perbincangan saya dengan Menteri Kesihatan. Yang penting Kertas Putih ini perlu dibentangkan di Dewan Rakyat, di Parlimen dan dibahas di Parlimen untuk mendapatkan persetujuan daripada semua wakil rakyat barulah Kertas Putih ini di-

terima dan dilulus.

"Prosesnya bukanlah proses yang dibuat bekas menteri tetapi proses yang dibuat oleh semua," katanya selepas Majlis Serah Terima Tugas Menteri Kesihatan, di Pejabat Menteri Kesihatan di KKM.

Beliau terdahulu menyerahkan Nota Serah Tugas kepada Menteri Kesihatan baharu, Dr Zaliha Mustafa, disaksikan Ketua Setiausaha KKM, Datuk Harjeet Singh dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Khairy berkata, tanpa kertas putih berkenaan dan tanpa perubahan dalam sistem kesihatan awam, negara tidak akan ada sumber yang mencukupi untuk menampung beban penyakit bagi tahun mendatang.

Ia terutama, katanya, daripada segi sumber manusia, infrastruktur, kemudahan dan aspek peruntukan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

MENTERI LAKSANA DI KKM

Perbanyak tuala wanita percuma

Oleh Rafidah Mat Ruzki
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bakal melaksana inisiatif pemberian tuala wanita percuma kepada wanita daripada golongan kurang berkemampuan dalam usaha memerangi kemiskinan haid yang dihadapi komuniti.

Menterinya Dr Zaliha Mustafa berkata, sebagai permulaan, inisiatif itu yang turut mendapat sambutan di peringkat global akan dilaksanakan di pejabatnya sendiri.

"Saya sebagai Menteri Kesihatan wanita pertama, elok kita lakukan di KKM sendiri. Saya mulakan di tandas di pejabat menteri, pemberian tuala wanita ini," katanya ketika berucap pada perhimpunan bulanan pertamanya, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Harjeet Singh dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Dr Zaliha berkata, sudah tiba masanya isu kemiskinan haid dalam komuniti ditangani dengan dasar yang lebih tegas berikutan



DR Zaliha (dua dari kiri) menunjukkan kamera badan untuk kegunaan pegawai dan kakitangan KKM ketika Perhimpunan Bulanan KKM di Putrajaya, semalam. - Gambar NSTP/AZIAH AZMEE

130,000

Jumlah tuala wanita
percuma diberikan
melalui Bajet 2022

selama ini ia hanya dibuat melalui gerakan dan program di peringkat pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Justeru, katanya, dengan memulakan inisiatif berkenaan di pejabatnya, ia diharapkan bakal mendapat so-

kongan di seluruh KKM, selain mempertimbang untuk bekerjasama dengan agensi lain untuk menangani secara khusus kemiskinan haid.

Dalam pada itu, KKM juga meneliti rancangan menambah jumlah tuala wanita percuma yang akan diberikan menerusi Bajet 2023 yang dijangka dibentangkan tahun hadapan.

Sebelum ini, sejumlah 130,000 tuala wanita percuma diberikan melalui Bajet 2022.

"Ini akan menjadi permulaan di peringkat nasional," katanya.

Media melaporkan, Kotex yang menjalankan Kajian Kemiskinan dan Stigma Haid sebelum ini mendapati seorang daripada dua pelajar perempuan didapati ingin ponteng sekolah ketika haid. Dapatan kajian membabitkan 746 responden perempuan berusia 10 hingga 24 tahun itu juga menunjukkan lima peratus gadis tidak mampu membeli tuala wanita.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

Putrajaya: Pegawai dan kakitangan penguatkuasaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dilengkapi kamera badan ketika menjalankan operasi, khususnya bagi program kKesihatan awam dan farmasi.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa berkata, penggunaan kamera badan itu mampu memastikan ketelusan pelaksanaan tugas penguatkuasaan.

"Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada KKM khususnya program kesihatan awam dan program farmasi atas

Petugas KKM guna kamera badan ketika buat operasi

inisiatif penggunaan teknologi *body camera* dalam pelaksanaan tugas penguatkuasaan.

"Penggunaan kamera badan ini bukan sahaja dapat memastikan ketelusan dalam pelaksanaan penguatkuasaan, malah dapat menjaga kebajikan dan keselamatan pegawai penguat kuasa semasa melaksanakan tugas mereka," katanya

ketika berucap pada perhimpunan bulanan pertamanya di sini, semalam.

Penggunaan teknologi berkenaan bagi mengatasi isu ancaman dan halangan yang dilaporkan berlaku terhadap pegawai penguat kuasa oleh penjual, pemilik premis atau orang awam.

Antara ancaman yang pernah dialami penguat kuasa termasuk ugutan bu-

nuh, cubaan memukul dengan batang besi, ancaman lisan dengan kata-kata kesat serta cubaan memberi rasuah.

Selain itu, ia juga menjadi bahan pembuktian atau bukti balas sewajarnya kepada penguat kuasa sekiranya berhadapan tuduhan serta memastikan imej profesionalisme penguatkuasaan KKM terpelihara.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : LOKAL

Putrajaya: Bekas Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berharap pelaksanaan Kertas Putih Kesihatan dan Dasar Generasi Penamat (GEG) menerusi Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok dapat diteruskan Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa.

Khairy berkata, kedua-dua perkara dibangkitkan dalam pertemuan sebelum sesi penyerahan Nota Serah Tugas Bekas Menteri Kesihatan kepada

Khairy harap kertas Putih GEG diteruskan

Menteri Kesihatan, semalam.

"Kertas putih ini penting untuk reformasi sistem kesihatan kita untuk jangka masa panjang dan ini bukan hasil kerja saya, tetapi hasil kerja semua pakar terbabit dalam perbincangan dan juga sesi libat urus yang kita buat," katanya selepas sesi penyerahan Nota Serah Tu-

gas Menteri Kesihatan di sini, semalam.

Beliau berkata, Kertas Putih itu penting dalam melaksanakan perubahan terhadap sistem kesihatan awam untuk mengelakkan sumber yang tidak mencukupi bagi menampung beban penyakit di masa hadapan.



DARI kiri, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Datuk Harjeet Singh, Timbangan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah ketika penyerahan Nota Serah Tugas di Kompleks E, KKM, Putrajaya. - Gambar NSTP/AZIAH AZMEE

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEGARA

Perlu dibentang di Dewan Rakyat demi perubahan sektor berkenaan pada masa depan

Teruskan Kertas Putih Kesihatan – KJ

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Kertas Putih Kesihatan perlu diteruskan dan dibentangkan semula di Parlimen kerana ia penting untuk reformasi sistem kesihatan negara pada masa hadapan.

Itu harapan diberikan bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar kepada Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa.

Khairy berkata, beliau menjelaskan, kertas putih itu bukan miliknya, sebaliknya hasil kerja semua pakar kesihatan yang dikumpulkan daripada sesi perbincangan dan libat terus.

Katanya, apa yang penting, ia perlu dibentang di Dewan Rakyat dan dibahaskan untuk mendapatkan persetujuan daripada wakil rakyat.

"Jadi proses itu bukan dibuat oleh bekas menteri kesihatan, tapi proses dibuat semua warga KKM (Kementerian Kesihatan).

"Kertas putih ini penting dan jika kita tidak buat perubahan dalam sistem kesihatan awam kita, maka kita tidak akan ada



DR. ZALIHA (kiri) berbual dengan Khairy Jamaluddin selepas Majlis Sesi Penyerahan Nota Serah Tugas Mantan Menteri Kesihatan di Putrajaya semalam. – FAISOL MUSTAFA

sumber mencukupi untuk menampung beban penyakit untuk tahun-tahun akan datang.

"Saya memaklumkan kepada Dr. Zaliha bahawa apa sahaja yang boleh bantu, saya akan

bantu," katanya Majlis Sesi Penyerahan Nota Serah Tugas Mantan Menteri Kesihatan di sini se-

malam.

Mengulas mengenai Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022, Khairy berkata, beliau juga berharap, RUU itu dapat terus dibentangkan di Parlimen.

Katanya, RUU itu telah melalui proses pindaan dan kini diperingkat Jawatankuasa pilihan khas.

"Pindaan itu mencerminkan semua pandangan dari setiap parti dan saya harap ia dapat dibentangkan semula.

"Tapi biasanya, bila dibentangkan dalam Dewan Rakyat yang baharu ini, ia mesti melalui satu lagi pusingan perbincangan libat urus. Saya rasa ia tiada masalah untuk dibentang dan diluluskan," katanya.

RUU itu bertujuan mewujudkan Generasi Penamat dan hanya membabitkan golongan individu lahir selepas 1 Jan 2007.

Ia antara lain melarang penjualan serta penggunaan sebarang bentuk bahan merokok termasuk rokok elektronik atau 'vape' kepada individu yang dilahirkan pada tahun selepas 2017.

Teknologi kamera badan jaga keselamatan pegawai KKM

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) melancarkan inisiatif penggunaan teknologi kamera badan dalam tugas-tugas penguatkuasaan mereka di lapangan.

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, penggunaan kamera badan itu bukan sahaja dapat memastikan ketelusan dalam pelaksanaan penguatkuasaan, malah dapat menjaga kebajikan dan keselamatan pegawai penguat kuasa.

Beliau berkata, penggunaan teknologi itu dimulakan khusus bagi kerja-kerja penguatkuasaan kakitangan dan pegawai program kesihatan awam dan program farmasi.

"Saya ingin mengucapkan syabas kepada KKM atas inisiatif penggunaan teknologi kamera badan dalam tugas penguatkuasaan.

"Pemakaian kamera badan kepada pegawai penguat kuasa juga dapat memelihara integriti dan meningkatkan imej KKM," katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan KKM di sini semalam.

Terdahulu, sesi Simbolik Pemakaian Kamera Badan kepada Penguat Kuasa KKM di-



DR. ZALIHA (kiri) berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan KKM di Putrajaya semalam.

sempurnakan Dr. Zaliha sambil disaksikan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah.

Teknologi kamera badan itu digunakan ketika operasi penguatkuasaan bagi mengatasi isu ancaman dan halangan yang dilaporkan berlaku ke atas pegawai penguat kuasa oleh penjual, pemilik premis dan juga orang awam.

Antara ancaman tersebut ada-

lah ugutan bunuh, cubaan memukul dengan batang besi, ancaman lisan dengan kata-kata kesat serta cubaan memberi rasuah.

Oleh yang demikian, pemakaian kamera badan ini diharap dapat membantu dari segi pembuktian atau bukti balas yang sewajarnya untuk anggota penguat kuasa yang berisiko ditohmah dan difitnah dengan pelbagai tuduhan ketika menjalankan operasi penguatkuasaan.

Tuala wanita percuma inisiatif berkesan

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) akan melaksanakan inisiatif pemberian tuala wanita secara percuma dalam masa terdekat.

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, buat permulaan, inisiatif berkenaan akan dimulakan di Pejabat Menteri Kesihatan terlebih dahulu sebelum diperluaskan ke peringkat lain.

Katanya, beliau berasakan sudah tiba masanya perihai kemiskinan haid dibawa ke peringkat lebih tegas dan berbentuk polisi.

"Saya sebagai Menteri Kesihatan wanita pertama, elok kita lakukan di KKM sendiri dan

saya mulakan pemberian tuala wanita percuma di tandas di Pejabat Menteri dahulu.

"Selama ini, program pemberian tuala wanita percuma dilaksanakan secara kecil-kecilan saja," katanya selepas berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan KKM di sini semalam.

Ujarnya, sebelum ini, beliau bersama beberapa badan bukan kerajaan (NGO) telah menggerakkan inisiatif berkenaan.

Ditanya sama ada inisiatif itu akan dimasukkan dalam Bajet 2023, Dr. Zaliha berkata, ia boleh dilakukan, sekali gus meningkatkan keupayaannya dan menjadi permulaan kepada agenda peringkat nasional.



PEMBERIAN tuala wanita percuma bagi mengatasi kemiskinan haid dalam kalangan wanita di negara ini. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

Tiada kes Covid-19 dalam kalangan mangsa banjir - Dr Noor Hisham

KUALA LUMPUR - Tiada kes Covid-19 dikesan dalam kalangan mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) bagi tempoh 19 November lepas hingga kini, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Bagaimanapun, beliau berkata 14 kes Covid-19 dikesan bagi tempoh 11 hingga 18 November dan kesemua mereka telah tamat menjalani isolasi serta pulang ke rumah masing-masing.

"Kes penyakit berjangkit mula dipantau sejak 11 November apabila beberapa episod banjir berlaku.

"Secara kumulatif, sebanyak 12 kes gastroenteritis akut (AGE), 207 kes jangkitan saluran pernafasan akut (ARI), lapan kes konjuntivitis dan 134 kes jangkitan kulit dikesan dalam kalangan mangsa banjir di PPS.

"Tiada kes tifoid, kolera, leptospirosis, penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) serta denggi dalam kalangan mangsa banjir," katanya dalam kenyataan pada Isnin. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 13
 RUANGAN : NASIONAL

KKM mula inisiatif pemberian tuala wanita percuma

Bagi menangani isu kemiskinan haid di negara ini

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bakal memulakan inisiatif pemberian tuala wanita percuma bagi menangani isu kemiskinan haid di negara ini.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, sebagai permulaan, inisiatif itu akan mula dilaksanakan di Pejabat Menteri di Bangunan KKM dalam masa terdekat.

"Kita buat di pejabat menteri (dulu) selepas itu (bakal dilaksanakan) di seluruh Kementerian (KKM)... dan seterusnya kita akan bekerjasama mungkin antara agensi dan kementerian lain yang mungkin akan melihat khusus pada kemiskinan haid ini," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perhimpunan Bulanan KKM di sini pada Isnin.

Ditanya sama ada beliau akan mengemukakan cadangan bagi meneruskan pemberian tuala wanita percuma seperti yang telah dilaksanakan dalam

Belanjawan 2022, beliau berkata, perkara itu akan diteliti untuk dimasukkan dalam Belanjawan 2023.

Sebelum ini, kerajaan telah memberikan bantuan bulanan kit asas kebersihan diri secara percuma kepada 130,000 remaja wanita B40 seperti dibentangkan dalam Belanjawan 2022, sebagai tanda keprihatinan kerajaan terhadap isu kemiskinan haid di Malaysia yang berada pada tahap membimbangkan.

Kerajaan Selangor menerusi pembentangan Belanjawan 2023, telah memperuntukkan RM200,000 bagi memberdaya kaum wanita, termasuk kempen kesedaran serta penyediaan tuala wanita secara percuma, menjadikan Selangor negeri pertama memberikan tuala wanita percuma.

Sementara itu, penggunaan teknologi kamera badan dalam pelaksanaan tugas Penguat Kuasa Kementerian Kesihatan ditampilkan dalam sesi simbolik pemakaian, bagi memastikan ketelusan dalam pelaksanaan tugas serta menjaga kebajikan pegawai semasa menjalankan tugas.

"Pemakaian kamera badan kepada pegawai penguat kuasa juga dapat memelihara integriti dan meningkatkan imej Kementerian Kesihatan," katanya dalam ucapan sempena Perhimpunan Bulanan Kementerian itu.



Dr Zaliha melihat kamera badan yang dipasang pada vest pegawai penguat kuasa pada Majlis Perhimpunan Bulanan KKM di Putrajaya pada Isnin.

nya dalam ucapan sempena Perhimpunan Bulanan Kementerian itu.

Dr Zaliha berkata, ia akan digunakan semasa operasi penguatkuasaan, bagi mengatasi isu ancaman dan halangan yang dilaporkan berlaku ke atas pegawai penguat kuasa oleh penjual atau pemilik premis dan orang awam, yang antaranya membabitkan ugutan bunuh, cubaan memukul dengan batang besi, ancaman lisan dengan kata-kata kesat serta cubaan memberi rasuah.

Justeru, beliau berkata, pemakaian kamera badan itu diharapkan membantu dari segi pembuktian atau bukti balas yang sewajarnya, untuk anggota penguat kuasa yang berisiko ditohmah dan difitnah dengan pelbagai tuduhan ketika menjalankan operasi penguatkuasaan.

Dr Zaliha berkata, simbolik pemakaian kamera badan berkenaan melibatkan Program Perkhidmatan Farmasi dan Program Kesihatan Awam. - Bernama

Khairy harap Kertas Putih Kesihatan, Dasar GEG diteruskan

PUTRAJAYA - Bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berharap pelaksanaan Kertas Putih Kesihatan dan Dasar Generasi Penamat (GEG) menerusi Rang Undang-Undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok, dapat diteruskan Dr Zaliha Mustafa.

Menurut Khairy, kedua-dua perkara itu telah dibangkitkan dalam pertemuan sebelum sesi penyerahan Nota Serah Tugas Bekas Menteri Kesihatan kepada Menteri Kesihatan di sini pada Isnin.

"Kertas putih ini penting untuk reformasi sistem kesihatan kita bagi jangka masa panjang dan ini bukan hasil kerja saya tetapi hasil kerja semua pakar yang terlibat dalam perbincangan serta sesi libat urus yang telah kita buat," jelasnya.

Beliau berkata, Kertas Putih tersebut penting dalam melaksanakan perubahan terhadap sistem kesihatan awam untuk mengelakkan sumber yang tidak mencukupi bagi menampung beban penyakit pada masa hadapan. - Bernama

Sistem baharu pendekkan laluan mendarat pesawat mulai Mei 2023

SEPANG - Bermula 18 Mei 2023, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) akan melaksanakan Sistem Laluan Pelepasan Standard (SLDs) dan Laluan Pendaratan Standard (STAR) bertujuan memendekkan laluan mendarat pesawat, kata Menteri Pengangkutan, Anthony Loke.

Beliau berkata, sistem berkenaan membolehkan kawalan trafik udara menjadi lebih efisien dengan memberikan nilai tambah kepada syarikat penerbangan, penumpang dan alam sekitar dari segi pengurangan karbon.

Menurut Anthony, secara kebiasaannya, sesuatu pesawat perlu membuat beberapa pusingan sebelum mendarat dengan menunggu giliran masing-masing, namun dengan sistem baharu, pergerakan pesawat lebih mudah dan dapat dipendekkan.



Anthony (tiga dari kiri) melihat replika KLATCC ketika meninjau operasi pusat kawalan berkenaan di Sepang pada Isnin.

"Apabila pergerakan pesawat dipendekkan, masa untuk mendarat lebih pantas dan menjimatkan kos bahan bakar sekali gus menjimatkan kos operasi syarikat penerbangan. Dengan adanya sistem ini, dijangkakan boleh jimatkan kos bahan bakar sebanyak RM500 juta setahun

untuk syarikat penerbangan.

"Selain itu, kita juga dapat menyumbang kepada penurunan jejak karbon susulan ia adalah sebahagian daripada Carbon Offsetting and Reduction Scheme for International Aviation (CORSIA), program di bawah Pertubuhan Penerbangan Awam

Antarabangsa (ICAO)," katanya selepas meninjau operasi Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC) di sini pada Isnin.

Anthony berkata, sistem baharu itu juga akan memanfaatkan penumpang kerana mampu memendekkan masa penerbangan antara 18 hingga 22 minit.

Katanya, implementasi sistem tersebut mengambil masa sehingga Mei tahun hadapan memandangkan perlu waktu secukupnya bagi memberikan latihan kepada pegawai udara.

"Sistem ini memerlukan sedikit masa untuk latihan selain perlu memaklumkan kepada syarikat penerbangan dan jurutera bagi membiasakan diri dengan laluan pesawat," ujarnya.

Sementara itu, Anthony berkata, pihaknya telah meminta kerjasama GAAM untuk me-

astikan semua menara trafik udara khususnya di Sabah dan Sarawak dapat dipanjangkan waktu operasinya dan dengan itu, syarikat penerbangan boleh menambah kekerapan penerbangan pada waktu malam.

"CAAM telah memberikan komitmen kepada saya, ini akan dibuka dalam musim perayaan, iaitu seminggu sebelum Tahun Baharu Cina serta selepas perayaan, dan juga Hari Raya," katanya yang turut menyeru syarikat penerbangan untuk menambah pesawat.

Menurutnya, usaha berkenaan juga akan merungkil masalah kekurangan penerbangan, pada masa sama dapat mengurangkan harga tiket kapal terbang.

Hadir sama ketika tinjauan itu ialah Pengerusi CAAM, Tan Sri Khairul Adib Abd Rahman dan Ketua Pegawai Eksekutif CAAM, Datuk Chester Voo. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : NASIONAL

Covid -19: 866 kes baharu, 10 kematian

SHAH ALAM - Sebanyak 866 kes baharu Covid-19 direkodkan pada Ahad dengan satu daripadanya merupakan kes import.

Menurut data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di portal KKMNOW, sebanyak 10 kes kematian baharu akibat Covid-19 dicatatkan dan dua daripadanya adalah kematian

melibatkan kes di luar fasiliti hospital.

Justeru, jumlah kematian dalam negara kini sebanyak 36,763 kes.

Sementara itu, kes aktif Covid-19 pula mencatatkan sebanyak 18,721 kes, dengan 17,408 atau 93 peratus daripadanya merupakan individu di-kuarantin di rumah.

Seramai 1,235 pesakit Covid-19

ditempatkan di hospital.

Manakala seramai 78 pesakit dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) dan daripada jumlah itu, 50 pesakit memerlukan alat bantuan pernafasan.

Kes sembuh direkodkan pada Ahad ialah 1,313 kes menjadikan jumlah keseluruhan kes sembuh wabak tersebut kepada 4,955,150 kes.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : NEGERI

Tempoh menunggu rawatan dipercepatkan

Pusat Jantung Hospital Serdang yang dibuka pada Isnin bakal memendekkan tempoh separuh menunggu

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM
SHAH ALAM



Pembinaan Pusat Jantung Hospital Serdang yang mula beroperasi pada Isnin itu melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM546 juta.

Pembukaan Pusat Jantung di Hospital Serdang, Selangor yang mula beroperasi pada Isnin bakal memendekkan masa bagi pesakit jantung di dalam negara untuk mendapatkan rawatan diperlukan.

Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pengoperasian pusat rawatan itu antaranya dijangka mengurangkan tempoh menunggu bagi pesakit mendapatkan rawatan anglogram daripada 18 bulan kepada sembilan bulan untuk kes elektif yang stabil.

"Manakala, rawatan pembedahan elektif kardiotorasik juga boleh dikurangkan daripada enam hingga 18 bulan ke tiga hingga enam bulan.

"Selain itu, Pusat Jantung Hospital Serdang ini juga dijangka akan memendekkan tempoh menunggu prosedur elektif, separa elektif, segera dan kecemasan kes-kes kardiologi dan kardiotorasik kanak-kanak," katanya menerusi hantaran di Facebooknya pada Isnin.

Dr Noor Hisham berkata, pembukaan Pusat Jantung itu yang dilancarkan Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa sejajar dengan keperluan di Hospital Serdang yang merupakan pusat rujukan rawatan jantung bagi Wilayah Tengah dan pusat rujukan bagi kes jantung kompleks dari seluruh negara.

Menurutnya, pembinaan pusat jantung yang baru dibina itu melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM546 juta.

Selain memberikan perkhidmatan jantung kepada rakyat, beliau berkata, pusat jantung itu juga akan menyediakan latihan dan penyelidikan yang bertaraf antarabangsa dan bakal melahirkan pakar-pakar jantung di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

"Pusat jantung ini dibina dengan satu blok kardiologi setinggi lapan

tingkat yang boleh menempatkan 262 buah katil serta satu lagi blok tempat letak kereta setinggi sembilan tingkat yang mempunyai 536 petak parkir.

"Bagi memantapkan lagi perkhidmatan diagnostik penyakit jantung, pusat ini dilengkapi dengan mesin MRI 3.0 khusus bagi pengimejan diagnostik jantung untuk memberikan imej jantung dengan empat kali lebih jelas daripada mesin MRI biasa," ujarnya.

Dr Noor Hisham menambah, ia juga mempunyai kemudahan Makmal Jantung Invasif (ICL) di jabatan kecemasan, iaitu yang pertama seumpamanya di Malaysia dan setanding dengan negara maju lain.

"Pusat ini juga dilengkapi dengan dewan bedah hybrid dan dianggarkan dapat memanfaatkan seramai 200-250 orang pesakit setahun," jelasnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Inisiatif tuala wanita percuma terima kritikan

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
dan **MOHD. HUSNI MOHD. NOOR**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Langkah Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa memulakan inisiatif pemberian tuala wanita secara percuma semalam mendapat kritikan pelbagai pihak walaupun hasratnya dilihat baik bagi membantu mereka yang memerlukan.

Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Wan Saiful Wan Jan berkata, meskipun usaha itu wajar disokong serta patut dijadikan program nasional sebaliknya tidak relevan memulakan pemberian tuala wanita percuma di tandas Pejabat Menteri.

“Yang memerlukan ialah golongan wanita tidak berkemampuan, bukannya mereka yang duduk di Pejabat Menteri. Kalau Menteri bagi kepada pegawai Pejabat Menteri yang makan gaji beribu-ribu ringgit sebulan, itu salah guna kuasa. Takkan nak suruh warga berpendapatan rendah panjat ke tandas Pejabat Menteri,” ka-



ZALIHA Mustafa bercakap kepada pemberita selepas Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kesihatan di Putrajaya, semalam.
- UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

tanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, menteri berkenaan dilihat tidak memahami kumpulan sasaran dalam konteks menangani kemiski-

nan haid apabila memberikan tuala wanita percuma bermula di pejabatnya terlebih dahulu.

Di media sosial, orang ramai juga tidak bersetuju dengan langkah menteri berkenaan

memulakan inisiatif berkenaan di pejabat beliau.

Terdahulu, Dr. Zaliha ketika memaklumkan inisiatif tersebut selepas Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kesihatan, di sini, berkata, inisiatif berkenaan dimulakan di Pejabat Menteri Kesihatan terlebih dahulu sebelum diperluaskan ke peringkat lain.

Beliau berkata, sudah tiba masanya perihai kemiskinan haid dibawa ke peringkat lebih tegas dan berbentuk polisi.

“Selama ini, program pemberian tuala wanita percuma ini dilaksanakan secara kecil-kecilan.

“Saya sebagai Menteri Kesihatan wanita yang pertama, elok kita lakukan di Kementerian Kesihatan sendiri dan saya mulakan pemberian tuala wanita percuma di tandas di Pejabat Menteri dahulu,” katanya.

Menurutnya, sebelum ini, beliau bersama beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah menggerakkan inisiatif berkenaan bagi membantu mereka yang memerlukan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION/NEWS

EXPENDITURE VIOLATIONS

ZALIHA AWAITS UPDATE ON RM600B

Meeting will be held soon on alleged misappropriation of Covid-19 funds, says health minister

RAFIDAH MAT RUZKI
AND NOOR ATIQA SULAIMAN
SERDANG
news@nst.com.my

HEALTH Minister Dr Zaliha Mustafa is still waiting for updates on the alleged misappropriation of RM600 billion in Covid-19 funds.

She said a meeting will soon be held to discuss the matter, but she had yet to get an update on the actual amount of money that was allegedly misused.

"On the RM600 billion (issue), we are still waiting for the Health Ministry to provide updates. Only then can we find out how much funds were actually misused."

"I am sorry that I cannot answer this at the moment because I have yet to get a full briefing on the matter."

"We will hold a meeting in one or two days to discuss important issues pertaining to the ministry,"



Health Minister Dr Zaliha Mustafa checking the facilities at the Heart Centre of Serdang Hospital in Serdang yesterday. BERNAMA PIC

including the allegation on the misuse of RM600 billion in Covid-19 funds," she said after the launch of the Heart Centre at Serdang Hospital here.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim had said Finance Ministry officials confirmed that there were serious expenditure violations involving RM600 billion during the administration of Tan Sri Muhyiddin Yassin.

The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) later confirmed it had received details on the breakdown of funds spent by the government on economic stimulus packages in 2020 and 2021 from the Finance Ministry.

MACC had said the investigation into the alleged misappropriation of Covid-19 economic stimulus funds would focus on a sum of RM92.5 billion that came di-

rectly from the government.

The agency had said initial investigations found that the case involved an allocation of RM530 billion, and of that, RM92.5 billion was from the government and RM437.5 billion was not.

Earlier in Putrajaya, Dr Zaliha said the Health Ministry would begin an initiative to tackle period poverty by providing free sanitary pads for underprivileged women.

She said the initiative, which has been well-received globally, would begin in her office and would be expanded throughout the ministry.

"As the first female health minister, it's good that we start at the ministry first."

"We will start giving out free sanitary pads at toilets at the minister's office," she said at her inaugural monthly assembly with ministry staff yesterday.

Present were Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah and ministry secretary-general Datuk Harjeet Singh.

Dr Zaliha said the ministry would look into including the provision of free sanitary pads for the underprivileged.

Period poverty is the lack of access to sanitary products, menstrual hygiene education, toilets, handwashing facilities or related waste management. The issue is

compounded by cultural shame attached to menstruation and the shortage of resources that stop women and girls from going to work or school.

Previously, the government provided monthly aid of menstrual hygiene kits to 130,000 teenagers in the B40 group under the 2022 Budget to address alarming period poverty in Malaysia.

The Selangor government, under the state's 2023 Budget, allocated RM200,000 to empower women, including through an awareness campaign and providing free sanitary pads, becoming the first state to introduce such an initiative.

On another matter, Dr Zaliha lauded the introduction of body cameras for the ministry's enforcement officers to ensure transparency and to keep them safe in carrying out their duties.

She said the move aimed to address the threats and constraints health enforcers face while on duty, including death and verbal threats, assault and bribery attempts.

She hoped the use of body cameras would help to ensure there is proof or counter-evidence for enforcers who are at risk of slander when carrying out operations.

"The use of body cameras will also preserve the integrity and improve the image of the ministry."

HANDOVER OF DUTIES

Khairy hopes Health White Paper, GEG policy will be implemented

PUTRAJAYA: Former health minister Khairy Jamaluddin hopes the implementation of the White Paper on Health and the tobacco generational endgame policy through the Control of Tobacco Product and Smoking Bill 2022 will continue under Health Minister Dr Zaliha Mustafa.

Khairy said he raised the matter at a meeting before the ceremony to hand over ministerial duties to Dr Zaliha.

"This white paper is important for the reform of our health system for the long term and

this is not the result of my work, but the work of all the experts involved in the discussions and

also the engagement sessions that we have done," he said after the handing over of duties ceremony yesterday.

He said the white paper was important for the implementation of changes in the public health system to avoid the problem of insufficient resources to meet the needs of

the future, especially in terms of human resources, infrastructure, facilities and allocations.

Bernama



Khairy Jamaluddin

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NATION



Recording device

To address potential threats, abuse, assault and even bribery, the Health Ministry has introduced the use of body cameras for its enforcement officers during field work. > See report on page 4

- Photo by YAP CHEE HONG/The Star

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION

Free sanitary pads for poor women

Health Minister to kick off initiative at own office to combat period poverty

By FAZLEENA AZIZ
fazleena@thestar.com.my

PUTRAJAYA: The Health Ministry plans to embark on an initiative to give free sanitary pads to underprivileged women as part of its efforts to combat period poverty.

Its minister Dr Zaliha Mustafa has kicked off the initiative by implementing the free sanitary pad initiative beginning with her office.

She said the move would be a catalyst in highlighting the issue,

which she hopes to expand throughout the ministry.

"As the first female Health Minister, I should start it off at the ministry itself. It will be available at the minister's office.

"Previously, this issue has been addressed by non-governmental organisations (NGOs) on a smaller scale. But now the time has come for a firmer policy," she said at the ministry's monthly assembly here yesterday.

Also present were the ministry's

secretary-general Datuk Harjeet Singh and director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Dr Zaliha added that they will also look at the possibility of collaborating with other agencies.

On whether other gynaecological and menstruation issues would be addressed, Dr Zaliha said that would require inter-agency involvement.

When asked if the issue would be addressed in a future budget following the Federal

Government's Budget 2022 that provides 130,000 free sanitary pads, Dr Zaliha said that the matter can be brought forward and expanded at a national level.

"This is why I decided to kick off with this first initiative and hopefully we can go into the details later on," she said.

Findings from the first Kotex Period Poverty and Stigma study revealed that one in two female students wanted to skip school during menstruation.

The study which involved some 750 girls aged 10 to 24 nationwide also indicated that 5% of girls could not afford sanitary pads.

The Selangor state government had recently announced a RM200,000 allocation in its 2023 Budget to address period poverty.

Watch the video
TheStarTV.com



KJ ready to help with Health White Paper

PUTRAJAYA: Khairy Jamaluddin is willing to assist in any way he can to ensure healthcare system reforms are on track in line with the Health White Paper.

The former health minister said the White Paper was important to ensure the success of the much needed long-term healthcare system reforms.

He hoped that Health Minister Dr Zaliha Mustafa would table the Health White Paper in Parliament for approval by lawmakers.

"If changes are not implemented to the healthcare system, we will not have enough resources to sustain treatment for all diseases in future.

"This includes aspects such as human resources, infrastructure, facilities and the allocations needed by the system.

"I have informed the new minister about this and I will assist in any way I can," he said after officially handing over duties to Dr Zaliha at the ministry headquarters here yesterday.

When asked about the Control of Tobacco Products and Smoking Bill 2022, Khairy said it needed to be tabled too as it has gone through the necessary changes recommended by the Special Parliamentary Select Committee.

He also noted that Deputy Health Minister Lukanisman Awang Sauni had been involved in the committee.

"The changes reflect views from all parties, so I hope it will



Over to you: Khairy (second right) symbolically handing over duties to Dr Zaliha at the Health Ministry in Putrajaya. — YAP CHEE HONG/The Star

be re-tabled.

"But I understand if the new government wants the Bill to go through another round of discussion and engagement sessions," he said.

Dr Zaliha had said that she wanted to fine-tune the Bill before

the Dewan Rakyat sits for the first time in 2023.

The Health White Paper was supposed to be tabled in November, while the Bill was supposed to have been re-tabled on Oct 6 or after the Budget 2023 debate.

However, Parliament was dis-

solved on Oct 10 to pave the way for the 15th General Election.

Watch the video
TheStarTV.com



Body cameras for MOH enforcement officers

PUTRAJAYA: The Health Ministry (MOH) has introduced the use of body cameras for its enforcement officers in a bid to ensure their safety and uphold transparency while on duty.

The matter was made official by Health Minister Dr Zaliha Mustafa, who launched the use by the Public Health and Pharmacy enforcement officers here yesterday.

"The use of body cameras will also help retain the integrity and improve the image of the ministry.

"It will also help ensure the safety and welfare of the enforcement officers," she said in her speech during the ministry's monthly assembly.

The use of body cameras is aimed at addressing issues such as threats, abuse, assault and even bribery which are often faced by officers during their enforcement rounds.

The implementation will provide appropriate proof or counter-evidence for the enforcement officers against various accusations during enforcement operations.

According to MOH, a total of 110 units of body cameras have been bought.

For phase one, the body cameras will be used in Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor, Melaka, Negri Sembilan and Pahang.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Khairy still keen on anti-smoking Bill

PUTRAJAYA: Former health minister Khairy Jamaluddin has expressed hope that the implementation of the "Generation End Game" policy through the Control of Tobacco Product and Smoking Bill 2022 would be continued by Health Minister Dr Zaliha Mustafa.

Khairy said he raised the matter at a meeting before the handing over of duties to Zaliha.

"This white paper is important for the reform of our health system for the long term and this is not the result of my work, but the work of all the experts involved in the discussions and also the engagement sessions that we had."

He said the white paper was important for implementing changes to the public health system to avoid insufficient resources to cover the burden of disease in the future, especially in terms of human resources, infrastructure, facilities and allocation. - Bernama

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

No Covid-19 cases among flood evacuees since Nov 19

KUALA LUMPUR: No Covid-19 cases have been detected among flood evacuees at relief centres since Nov 19, said Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

However, he said 14 Covid cases were detected during the Nov 11 to 18 period but the individuals had all completed their isolation and returned home.

"Monitoring of cases of infectious diseases began on Nov 11 when several episodes of floods occurred. Cumulatively, 12 cases of acute gastroenteritis, 207 cases of acute

respiratory infection, eight case of conjunctivitis and 134 cases of skin infection were detected among flood evacuees at the centres.

"No cases of typhoid, cholera, leptospirosis, hand foot mouth disease and dengue have been reported among flood evacuees so far," he said.

As of 9am yesterday, five states - Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak and Johor - have been hit by floods, forcing the evacuation of residents to 29 evacuation centres, with five in

Kelantan, 11 each in Terengganu and Pahang, and one each in Perak and Johor.

Meanwhile, Noor Hisham said new Covid cases in the 49th Epidemiological Week (ME 49/2022) from Dec 4 to 10 dropped by 24.9% to 10,937 cases from 14,558 in the previous week.

He said local cases dropped by 24.9% from 14,543 cases to 10,923 and imported cases dropped from 15 to 14 while deaths dropped by 30.6% (62 cases to 43) in ME 49/2022.

- Bernama